

Malaysia mahu pujuk Korea Utara

UM-27/7/2000

KUALA LUMPUR 26 Julai – Malaysia akan menggunakan perbincangan dua hala dengan Korea Utara esok bagi memujuk negara itu kembali kepada proses rundingan enam negara berhubung isu program nuklearnya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia juga akan mencadangkan supaya Korea Utara mengambil peluang daripada Forum Serantau ASEAN (ARF) yang turut dihadiri oleh lima negara lain yang terbabit dalam proses rundingan itu untuk bertemu.

"Malaysia mahu rundingan enam negara itu disambung semula dan mahu memastikan Korea Utara turut terlibat.

"Saya tidak lihat rundingan itu akan berjaya jika hanya lima negara terlibat," katanya ketika mengulas mengenai kemungkinan rundingan itu boleh disambung semula tanpa penyertaan Korea Utara.

Setakat ini kelima-lima negara terbabit iaitu Amerika Syarikat, Korea Selatan, China, Jepun dan Rusia telah membayangkan kesediaan mengadakan pertemuan itu semasa ARF yang bermula esok.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ASEAN + 3 dan Sidang Ke-

muncak Asia Timur (EAS) di luar agenda Persidangan Pasca Menteri-Menteri Luar ASEAN di sini hari ini.

Menteri Luar Korea Utara, Paek Nam Sun akan berada di ibu negara sempena lawatan rasmi lima hari ke Malaysia bermula esok dan juga akan menyertai mesyuarat ARF.

Kata Syed Hamid, Malaysia juga berpendapat rundingan enam negara itu hendaklah diadakan tanpa syarat.

Beliau memberitahu, Korea Utara tidak berminat menyambung semula rundingan.

Jelas beliau, pada pertemuan dua hala itu Malaysia akan menyampaikan kebimbangan ASEAN tentang program nuklear Korea Utara dan mendesak negara itu mematuhi resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Menteri-Menteri Luar ASEAN melahirkan kebimbangan terhadap perkembangan di Semenanjung Korea yang akan menjejaskan keamanan dan kestabilan di rantau ini," katanya.

Pada 5 Julai lalu, Korea Utara telah menjalankan ujian peluru berpandu yang mendapat bantahan keras termasuk daripada Jepun.

Ketika ditanya mengenai kedudukan Myanmar sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN selepas

Filipina, Syed Hamid berkata, setakat ini Myanmar tidak menyatakan hasratnya untuk menjadi tuan rumah.

Myanmar sebelum ini melepaskan gilirannya menjadi tuan rumah tahun ini atas alasan belum bersedia ekoran masalah dalaman di negara itu.

"Jika mengikut proses penggiliran menjadi tuan rumah ASEAN, ia mengikut kedudukan abjad, kini ialah giliran Singapura," katanya.

Beliau juga berkata, ASEAN tidak menetapkan tempoh bagi Myanmar melaksanakan proses demokrasi di negara itu.

Katanya, ASEAN hanya mahu melihat Myanmar mengambil tindakan mempercepatkan proses itu serta membebaskan semua tahanan politik termasuk pemimpin demokrasi Aung Sang Syu Kyi.

Mengenai penyertaan Perancis dalam EAS, Syed Hamid berkata, komitmen Perancis menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) ASEAN bukan merupakan syarat automatik bagi membolehkan negara itu menyertai EAS.

Selain itu, Perancis juga bukan terdiri daripada negara rantau Asia Timur.

Syed Hamid berkata, bagi menyertai EAS, negara terbabit juga perlu menjadi rakan dialog ASEAN.